A

Pendakwa Raya lwn Sanusi bin Ismail

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BAHRU) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–17–1993
NIK HASHIM PK
B 30 NOVEMBER 1995

Keterangan *— Saksi-saksi pakar — Analisa bahan oleh ahli kimia — Sama ada ujian-ujian yang dijalankan oleh ahli kimia ke atas bahan tumbuhan untuk menentukan sama ada ianya ganja adalah teratur — Sama ada berat contoh yang diambil mencukupi untuk membuat analisa kimia untuk pengesanan ganja*

C

Undang-Undang Jenayah *— Akta Dadah Berbahaya 1952 — s 39B(1)(a) — Mengedar dadah merbahaya — Anggapan memilik di bawah s 37(d) dan anggapan mengedar di bawah s 37(da) — Sama ada anggapan-anggapan itu telah dipatahkan atas imbangan kebarangkalian — Sama ada pendakwaan telah membuktikan kes tanpa keraguan munasabah*

D

Tertuduh didapati membawa 882.3g dadah merbahaya iaitu ganja dalam suatu bungkusan di Bukit Bunga, Tanah Merah, Kelantan. Maka, tertuduh menghadapi tuduhan mengedar dadah di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta itu'). Ganja itu telah
E diperiksa oleh ahli kimia ('SP1') yang memeriksa dan menjalankan ujian ke atas bahan tumbuhan ('E1A dan E1B') itu secara berasingan. Empat jenis ujian telah dijalankan olehnya iaitu: (i) pemeriksaan fizikal; (ii) mikroskopik; (iii) ujian 'dequenois levine test' ('DLT'); dan (iv) ujian 'thin layer cromatography' ('TLC'). Mengenai ujian DLT dan TLC, SP1 telah mengambil 32 contoh E1A dan E1B yang
F berjumlah 144.02g secara rambang dan dapati positif menunjukkan ada resin ganja pada bahan tumbuhan tersebut. Berdasarkan kepada keputusan keempat-empat ujian tersebut dan dengan mengambil empat keputusan secara sekaligus, SP1 mengesahkan bahawa E1A dan E1B adalah ganja seperti yang ditakrifkan di bawah s 2 Akta itu.
G Pembelaan mendakwa bahawa SP1 sepatutnya mengambil 64 contoh untuk membuat kedua-dua ujian DLT dan TLC itu, bahawa berat contoh yang kurang dari 200g tidak dapat menimbulkan anggapan mengedar dan bahawa barang kes telah diganggu gugat. Juga, tertuduh mengatakan dalam pembelaan bahawa dia tidak mengetahui langsung adanya ganja di dalam bungkusan itu dan dia telah diperalatkan oleh
H seorang bernama Rahim.

Diputuskan, menyabit tertuduh dan menjatuhkan hukuman mati mandatori:

(1) Tidak terdapat keraguan mengenai ujian yang dijalankan oleh
I ahli kimia ke atas E1A dan E1B kerana kesemua empat ujian dibuat secara berasingan dan keputusan ke atas E1A dan E1B adalah sama dan bahan tumbuhan dari kedua E1A dan E1B

adalah ganja seperti yang ditakrif di bawah s 2 Akta itu (lihat ms 127E–F). A

(2) Berat contoh yang diambil cuma perlu mencukupi atau memadai sebagai contoh perwakilan bagi tujuan membuat analisa kimia ke atas bahan tumbuhan untuk pengesanan ganja di bawah takrifan s 2 Akta itu. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan atau autoriti B yang khusus mewajibkan ahli kimia membuat analisa dengan menggunakan 100% bahan tumbuhan yang ada bagi tujuan pengesahan ganja seperti ditakrif di bawah s 2 Akta itu. Dengan itu, mahkamah berpuashati dengan keterangan dan hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh ahli kimia tersebut tanpa sebarang keraguan walaupun barang tumbuhan yang diuji hanya C 144.2g daripada berat bersih 882.3g itu (lihat ms 128B–D, F–G; *Leong Bon Huat lwn Pendakwa Raya* [1993] 3 MLJ 11 dibeza, *PP v Mohamad bin Ambunani* [1994] 4 CLJ 871 dan *PP v Alex bin Hamzani* [1995] 3 CLJ 102 tidak diikut).

(3) Penjagaan dan kawalan ke atas barang kes tidak terputus dari D mula ia dirampas oleh polis hingga ia dikemukakan di mahkamah. Maka, tidak mungkin barang tuduhan tersebut boleh diganggu gugat. Juga, kegagalan pendakwa memanggil Ketua Polis Daerah sebagai saksi tidak menyebabkan rangkaian keterangan terputus kerana kehadirannya tidak perlu (lihat ms 128G–H; *Mohd Osman bin Pawan v PP* [1989] 2 MLJ 110 dan *Su Ah Ping v PP* [1980] E 1 MLJ 75 diikut).

(4) Perkara-perkara yang bercanggah di antara keterangan saksi pendakwaan adalah perkara-perkara kecil dan tidak menyentuhi apa-apa perkara pokok ataupun penting. Dengan itu, kes pendakwa dan kebolehpercayaan saksi-saksi pendakwa tidak F terjejas langsung (lihat ms 128I).

(5) Keterangan perbualan di antara tertuduh dan Ketua Insp Ahmad Kamaruddin bin Abdullah yang dikemukakan oleh pihak peguambela tidak dapat diterima oleh mahkamah di atas sebab maklumat dan pengakuan tertuduh tersebut dilakukan selepas G tertuduh ditangkap dan tidak beramaran. Oleh itu terdapat percanggahan mengikut peruntukan di bawah s 37A Akta itu (lihat ms 129A–D).

(6) Selepas penilaian maksima ke atas segala keterangan, didapati pendakwaan telah berjaya mengadakan kes di bawah s 180 Kanun H Acara Jenayah (NMB Bab 6). Juga, anggapan-anggapan di bawah s 37(d) dan (da) Akta itu wujud. Untuk mematahkan anggapan-anggapan dibawah s 37(d) dan (da)(vi), pembelaan haruslah mematahkannya di atas imbangan kebarangkalian. Tertuduh hanya menafikan keterangan-keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi tanpa keterangan lain untuk mengeluarkan dengan I munasabah keterangan pendakwaan dan ini adalah tidak mencukupi. Juga, kewujudan Rahim, sekiranya ada, tidak membawa apa-apa kesan kepada kes pendakwa kerana kes pendakwa berasaskan milikan dan pembawaan bukan kepada

kepunyaan ke atas ganja itu. Oleh itu, pembelaan telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan ke atas pembawaan ganja. Dengan itu, anggapan-anggapan milikan serta pengedaran cannabis wujud di bawah s 37(d) dan (da)(vi). Pendakwaan telah membuktikan kesnya tanpa keraguan munasabah. Maka, hukuman mati mandatori dijatuhkan ke atas tertuduh (lihat ms 131C, G–I, 132A–C).

[**English summary**

The accused was found carrying 882.3g of a dangerous drug, namely cannabis in a package at Bukit Bunga, Tanah Merah, Kelantan. Therefore, the accused faced the charge of drug trafficking under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act'). The cannabis was examined by a chemist ('SP1') who examined and conducted some tests on the plant material ('E1A and E1B') separately. Four types of tests were conducted by him, namely: (i) the physical test; (ii) the microscopic test; (iii) the dequenois levine test ('DLT'); and (iv) the thin layer cromatography ('TLC'). For the DLT and TLC tests, SP1 took 32 samples of E1A and E1B, which amounted to 144.02g, randomly and found that there were positive signs that there was cannabis resin in the plant material. On the results of the four tests and taking the results of the four tests in totality, SP1 confirmed that E1A and E1B was cannabis as defined under s 2 of the Act. The defence contended that SP1 should have taken 64 samples for both the DLT and TLC tests, that the weight of the sample being less than 200g meant that the presumption of trafficking did not arise and that the material evidence had been tempered with. Further, the accused maintained that he had no knowlege of the presence of the cannabis in the package and that he had been manipulated by one Rahim.

Held, convicting the accused and imposing the mandatory death sentence:

(1) There was no doubt as regards the tests run by the chemist on E1A and E1B as all four tests were run separately and the results on E1A and E1B were the same and the plant material from E1A and E1B was cannabis as specified under s 2 the Act (see p 127E–F).

(2) The weight of the sample need only be enough to form a representative sample for the plant material to be chemically anaylsed for identification of cannabis as specified under s 2 of the Act. However, there is no specific authority or provision which requires a chemist to use the plant material 100% in order to obtain a verification of cannabis as defined under s 2 of the Act. Therefore, the court was satisfied beyond reasonable doubt with the evidence and the results of tests by the chemist even though the plant material tested on was only 144.02g of the net weight of 882.3g (see p 128B–D, F–G; *Leong Bon Huat lwn*

Pendakwa Raya [1993] 3 MLJ 11 distinguished, *PP v Mohamad bin Ambunani* [1994] 4 CLJ 871 and *PP v Alex bin Hamzani* [1995] 3 CLJ 102 not followed). A

(3) The custody and control of the case exhibit was not broken from the moment it was seized by the police until it was brought before the court. Therefore, there could not have been any tampering of the evidence. Also, the failure of the prosecution to call the District Chief of Police as a witness did not cause a break in the chain of evidence as his presence was not needed (see p 128G–H; *Mohd Osman bin Pawan v PP* [1989] 2 MLJ 110 and *Su Ah Ping v PP* [1980] 1 MLJ 75 followed). B C

(4) The contradictions in the evidence of the prosecution's witnesses were minor and did not have any great effect on key issues. Thus, the prosecution's case and the credibility of witnesses were not affected (see p 128I).

(5) The evidence tendered by the defence counsel which was the conversation between the accused and Chief Insp Ahmad Kamaruddin bin Abdullah was not accepted by the court being inadmissible as it was made after his arrest and without caution. This ran contrary to the provision under s 37A of the Act (see p 129A–D). D

(6) After maximum evaluation of all the evidence, it was found that prosecution had succeeded in establishing a case under s 180 of the Criminal Procedure Code (FMS Cap 6). The presumptions under s 37(d) and (da)(vi) of the Act also existed. In order to rebut the presumptions under s 37(d) and (da)(vi), the defence would have to do so on the balance of probabilities. The accused merely denied the evidence given by the witnesses without giving other evidence to reasonably dislodge the evidence of the prosecution which was not enough. Also, the existence of Rahim, if he existed, did not bring any effect to the prosecution's case as the prosecution's case was founded on the possession and carrying and not the ownership of the cannabis. In the event, the defence failed to cast any doubt on the carrying of the cannabis. Therefore, the presumptions of possession and trafficking of cannabis existed under s 37(d) and (da)(vi). The prosecution had proven its case beyond reasonable doubt. In light of this, the mandatory death sentence was passed on the accused (see pp 131C, G–I, 132A–C).] E F G H

[*Nota penyunting*: Tertuduh telah merayu ke Mahkamah Rayuan.]

Nota-nota

Untuk kes mengenai analisa bahan oleh ahli kimia, lihat 7 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1995 Reissue) perenggan 902. I

Untuk kes-kes mengenai Akta Dadah Berbahaya 1952, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed) perenggan 26–108; [1989] Mallal's Digest 592–

621; [1990] Mallal's Digest 463–467; [1991] Mallal's Digest 820–849; [1992] Mallal's Digest 657–671; [1993] Mallal's Digest 526–538; [1994] Mallal's Digest 849–870.

Kes-kes rujukan

Leong Bon Huat lwn Pendakwa Raya [1993] 3 MLJ 11
Mohd Osman bin Pawan v PP [1989] 2 MLJ 110
PP v Alex bin Hamzani [1995] 3 CLJ 102
PP v Ling Tee Huat [1982] 2 MLJ 324
PP v Mohamad bin Ambunani [1994] 4 CLJ 871
PP v Yuvaraj [1969] 2 MLJ 89
Su Ah Ping v PP [1980] 1 MLJ 75

Undang-undang rujukan

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 6, 37(d), (da)(vi), 39A, 39B(1)(a), (2)
Kanun Acara Jenayah (NMB Bab 6) s 180

TPR Dusuki bin Mokhtar (Penolong Pendakwa Raya) for the plaintiff.
Abdullah bin Hamzah (*Wrigglesworth & Co*) for the defendant.

Cur Adv Vult

Nik Hashim PK: Tertuduh telah menghadapi pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 23 Mac 1993 kira-kira jam 11.45 pagi, di atas jalanraya Kampung Lubok Dulang ke Kampung Renak, Bukit Bunga, di dalam daerah Tanah Merah, di dalam negeri Kelantan, telah mengedar dadah berbahaya iaitu ganja seberat 882.3g dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s 39B(l)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

Pada 23 Mac 1993 jam 10 pagi, Lance Korporal Syed Samsuddin bin Syed Mohd Aziz ('SP2') bersama-sama dengan Konstabel Mohd Zainuddin ('Kons Zainuddin') sedang membuat rondaan dengan motosikal di pengkalan haram di Bukit Bunga. Mereka adalah anggota daripada unit pencegah penyeludupan ('UPP'). SP2 menunggang motosikal manakala Kons Zainuddin pembonceng di belakang. Mereka tidak berpakaian seragam.

Setelah sampai di kawasan Kampung Lubok Dulang jam 11.45 pagi, SP2 ternampak di hadapannya seorang lelaki Melayu yang kemudiannya dicamkan sebagai tertuduh, sedang berjalan kaki dari Kampung Lubok Dulang menghala ke Jalan Besar Tanah Merah/Jeli. SP2 menghentikan motosikal dekat lelaki itu dan mencurigainya apabila melihat seluar tertuduh basah dan juga kerana di tempat itu tidak ada rumah orang melainkan kebun getah sahaja. SP2 memperkenalkan dirinya sebagai anggota polis kepada tertuduh. Ketika itu tertuduh sedang mengepit satu bungkusan itu di bawah ketiak kanannya. SP2 terus merampas bungkusan dari tertuduh. Tertuduh ditahan dan mukanya didapati pucat. SP2 membuka bungkusan plastik dan didapati ada dua ketul bungkusan yang setiap satu dibaluti

dengan dua helai kertas kalendar Siam masing-masingnya. Di dalam setiap satu bungkusan, terdapat satu lagi plastik cerah yang membaluti daun-daun yang disyaki ganja. Setiap bungkusan ini diikat dengan getah gelang, dan seterusnya bungkusan itu ditanda E1A dan E1B.

Pada masa itu, terdapat tiga orang anggota Askar Melayu Di Raja berpakaian seragam dan bersenjata sedang bertugas membuat rondaan di kawasan itu. Mengikut Rasid ('SP3'), salah seorang askar, tertuduh berkelakuan serba salah dan berjalan dengan laju apabila dia ternampak askar dan polis. SP2 meminta bantuan askar untuk mengawal tertuduh, semasa SP2 membuat pemeriksaan ke atas tertuduh dan barang kes. Terdapat kad pengenalan dan wang kertas RM10 di badan tertuduh. Ketika itu tertuduh berbaju-T putih dan seluar jean biru. Tertuduh ditangkap. Sementara itu, SP2 telah mengarahkan Kons Zainuddin balik ke pejabat UPP untuk mendapatkan kenderaan Land Rover pasukan polis. Kons Zainuddin membawa kereta Proton Saga kerana Land Rover sudah dibawa keluar untuk tugas luar yang lain. Tertuduh dan barang kes dibawa balik ke pejabat UPP, dimana satu laporan dibuat iaitu Bukit Bunga Report No 133/93.

Satu kejadian menarik berlaku dalam kes ini. Sebelum tertuduh ditangkap oleh SP2 dengan barang kes ('P5'), yang kemudiannya disahkan ganja, tertuduh telah dilihat terjun ke dalam sungai oleh seorang anggota polis ('SP4'). Menurut SP4, semasa dia berada di tebing Sungai Jenob sebelah Malaysia dia memanggil seorang pengayuh perahu untuk mendekatinya untuk mengirim beli barang dapur kerana di sebelah Thailand pada hari itu ada jualan pasar minggu. Ketika itu dia berpakaian seragam. Apabila perahu itu menuju ke arahnya, SP4 nampak salah seorang penumpang dalam perahu itu terjun ke dalam sungai dengan tangan kanannya menjulang satu bungkusan plastik cerah manakala tangan kirinya mengayuh air sungai. SP4 kenal jelas dan cam orang itu sebagai tertuduh. Jarak jauh SP4 dengan tertuduh ialah 10–15m. Tertuduh mengharungi sungai dengan pantas dan terus menaiki tebing sebelah Thailand. Ketika itu, tertuduh memakai baju warna putih dan seluar biru. Pada jam 1.50 petang hari yang sama, semasa SP4 bertugas di Balai Polis Bukit Bunga, SP2, SP3 dan Kons Zainuddin bersama dengan tertuduh tiba untuk membuat laporan atas penangkapan tertuduh. Kejadian terjun sungai ini juga disaksikan oleh seorang awam pembawa motosikal penumpang, Wan Hamad ('SP5'), yang pada ketika itu sedang menunggu penumpang. Walaupun dia tidak cam dengan pasti orangnya tetapi dia nampak lelaki itu terjun ke dalam sungai apabila ternampak anggota polis di tebing Malaysia dan menjulang di tangan kanannya sebuah bungkusan dan tangan kirinya mengayuh air untuk ke tebing sebelah Thailand. Lelaki itu berbaju putih dan berseluar jean warna biru.

Daun-daun tumbuhan yang disyaki ganja itu dihantar ke pejabat kimia Kuala Terengganu untuk pemeriksaan. Ahli kimia ('SP1') memeriksa dan menjalankan ujian ke atas E1A dan E1B secara berasingan. Empat jenis ujian telah dijalankan oleh beliau iaitu: (i) pemeriksaan fizikal; (ii) mikroskopik; (iii) ujian 'dequenois levine test'.('DLT'); dan (iv) ujian 'thin layer cromatography' ('TLC'). Mengenai ujian DLT, SP1 telah mengambil

A 32 contoh bahan-bahan tumbuhan tersebut secara rambang dan dapati positif menunjukkan ada resin ganja pada bahan tumbuhan tersebut. Manakala bagi ujian TLC, 32 contoh telah diambil bagi tujuan tersebut. Hasilnya positif iaitu terdapat resin ganja pada bahan tumbuhan itu.

Berdasarkan kepada keputusan keempat-empat ujian tersebut dan B dengan mengambil empat keputusan secara sekaligus, SP1 mengesahkan bahawa bahan tumbuhan dalam E1A dan EIB adalah ganja seperti yang ditakrifkan di bawah s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta itu'). Beliau menegaskan bahawa dia membuat pemeriksaan ke atas E1A dan E1B secara berasingan iaitu satu lepas satu. Keputusan analisa ke atas bahan tumbuhan dalam E1A dan E1B adalah ganja seperti s 2 Akta itu.

C Dalam pemeriksaan balas oleh peguambela, SP1 mengatakan beliau ada membuat timbangan ke atas contoh bagi ujian DLT dan TLC. Jumlah berat 32 contoh daripada E1A ialah 72.06g, manakala daripada E1B ialah 71.96g. Jumlah besar berat contoh ialah 144.02g. Beliau juga menjelaskan bahawa ujian pertama dan kedua dibuat ke atas kesemua bahan tumbuhan D dan seterusnya mengatakan jika ujian dibuat hanya satu sahaja dan tidak kesemua empat ujian, pengesahan ganja tidak konklusif.

Peguambela yang bijaksana berhujah bahawa keraguan telah timbul kerana mengikut keterangan SP1, beliau sepatutnya mengambil 64 conoth dari E1A atau E1B untuk ujian DLT atau TLC. Dengan mengambil 32 E contoh sahaja dari satu bongkah, inferen boleh dibuat bahawa salah satu ujian iaitu DLT atau TLC tidak dibuat, dan dengan itu mempersoalkan bagaimana SP1 boleh mengatakan bahan-bahan yang diujikan itu kesemuanya ganja di bawah s 2 Akta itu. Saya tidak nampak keraguan mengenai ujian yang dijalankan oleh SP1 kerana beliau telah membuat ujian ke atas E1A dan E1B secara berasingan iaitu merangkumi kesemua F empat ujian dan keputusannya ke atas E1A dan E1B adalah sama dan bahan tumbuhan dari kedua E1A dan E1B adalah ganja seperti ditakrifkan di bawah Akta itu.

Satu lagi rungutan pembelaan ialah berat contoh diambil hanya 144.02g yakni kurang daripada 200g. Dengan itu berat ganja dipertikaikan G dan dikemukakan kes *PP v Mohamad bin Ambunani* [1994] 4 CLJ 871 untuk menyokongnya. Dalam kes ini, berat contoh diambil ialah 184g daripada 1,669g yang dihantar untuk dianalisa. Mahkamah Tinggi dalam kes itu memutuskan contoh 184g itu tidak mencukupi untuk menimbulkan anggapan pengedaran di bawah s 37(da)(vi) Akta itu dan seterusnya meminda pertuduhan pengedaran kepada milikan dadah seberat 184g H ganja di bawah s 6 dibaca bersama dengan s 39A Akta itu.

Dalam memutuskan isu berat contoh yang diambil untuk ujian sama ada cukup atau tidak, saya mengambil panduan dari keputusan Mahkamah Agung dalam kes *Leong Bon Huat lwn Pendakwa Raya* [1993] 3 MLJ 11. Dalam kes itu, ahli kimia tidak menyebut hasil ujian fizikal dan mikroskopik I yang dijalankan olehnya. Dia juga tidak mengatakan sama ada dia membuat ujian DLT atau TLC ke atas bahan tumbuhan. Dia juga tidak menimbang berat contoh yang diambil, dan mengatakan jumlah berat untuk dibuat analisa ialah lebih 10% daripada berat bersih 793.85g.

Kes dalam perbicaraan berbeza dengan kes *Leong Bon Huat.* Dalam kes ini, ahli kimia SP1 menjalankan kesemua empat ujian dan memberi hasil ujian yang jelas, dan boleh diterima dan dipercayai. Edgar Joseph Jr HMA (ketika itu, sekarang HMP) telah mengatakan dalam *Leong Bon Huat* di ms 14:

> What is necessary is that the testimony of the chemist upon such a matter must be clear and convincing.

SP1 telah menimbang berat contoh dan berat contoh yang diambilnya ialah 144.02g daripada berat bersih 882.3g. Dalam hemat saya, berat contoh 144.02g yang diambil untuk ujian DLT dan TLC daripada berat bersih 882.3g adalah lebih daripada mencukupi sebagai contoh perwakilan bagi kesemua bahan-bahan tumbuhan dalam kes ini, kalau dibanding dengan berat contoh yang tidak begitu jelas dalam kes *Leong Bon Huat.* Lagi pun, tidak ada peruntukan atau autoriti yang mewajibkan ahli kimia untuk membuat analisa kimia ke atas bahan tumbuhan 100% bagi ujian DLT atau TLC. Mahkamah Agung ketika itu dalam kes *Leong Bon Huat* tidak memutuskan berapa berat contoh yang sepatutnya diambil bagi ujian kimia. Apa yang ditekankan dalam kes itu ialah kuantiti bahan tersebut untuk ujian kimia hendaklah memadai. Edgar Joseph Jr HMA berkata dalam kes *Leong Bon Huat* di ms 15:

> ... the carrying out of chemical tests on adequate quantities of the plant material. What would be adequate quantities for this purpose would depend on the particular circuntances of each case and we need not consider that any useful purpose would be served by laying down any mathematical formula.

Dengan itu, saya dengan hormatnya tidak dapat mengikuti keputusan dalam dua kes Mahkamah Tinggi: *PP v Mohamad bin Ambunani* [1994] 4 CLJ 871 dan *PP v Alex bin Hamzani* [1995] 3 CLJ 102, yang mengenakan berat minimum 200g untuk ujian kimia bagi tujuan anggapan pengedaran di bawah s 37(da)(vi) Akta itu. Dengan alasan-alasan tersebut di atas, saya menerima keterangan dan hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh SP1 tanpa keraguan. Beliau telah menjalankan pemeriksaan ke atas daun-daun tumbuhan yang dikemukakan kepadanya dengan penuh teliti dan saya berpuashati dengan keterangannya.

Atas dakwaan pembelaan yang mengatakan kemungkinan terdapat barang kes P5 diganggu gugat, saya berpuashati tanpa keraguan bahawa P5 tidak diganggu gugat. Penjagaan dan kawalan ke atasnya tidak terputus dari mula ia dirampas oleh polis sehinggalah ia dikemukakan di mahkamah. P5 masih yang sama dan dalam keadaan baik. Kegagalan pendakwa memanggil Ketua Polis Daerah sebagai saksi tidak menyebabkan rangkaian keterangan terputus. Kehadirannya tidak perlu. (Sila lihat *Mohd Osman bin Pawan v PP* [1989] 2 MLJ 110; *Su Ah Ping v PP* [1980] 1 MLJ 75.)

Mengenai percanggahan antara keterangan saksi-saksi pendakwa, saya sedar ia memang ada percanggahan di antara keterangan SP2, SP3 dan SP9. Tetapi selepas menelitinya, saya dapati percanggahan-percanggahan yang dikatakan itu adalah atas perkara-perkara kecil dan

A tidak menyentuhi perkara-perkara pokok dan penting yang boleh menjejaskan kes pendakwa dan kebolehpercayaan saksi-saksi pendakwa.

Seperkara lagi yang perlu saya putuskan di sini ialah sama ada keterangan perbualan antara Ketua Insp Ahmad Kamaruddin bin Abdullah ('SP9') dengan tertuduh yang dibangkitkan semasa pemeriksaan balas B SP9 oleh peguambela boleh diterima sebagai keterangan atau tidak. Saya memutuskan apa-apa maklumat dan pengakuan tertuduh mengenai dadah kepada SP9 tidak boleh diterima kerana ia dibuat selepas tertuduh ditangkap dan tidak beramaran, dan oleh itu, ia bercanggah dengan peruntukan s 37A Akta. Saya tidak mengambil kira keterangan itu di dalam menghakimi kes ini.

C Pada akhir kes pendakwa, dan selepas menilai maksima segala keterangan, saya memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya mengadakan suatu kes sebagaimana diperuntukkan s 180 Kanun Acara Jenayah (NMB Bab 6), dan juga memutuskan anggapan-anggapan di bawah s 37(d) dan (da)(vi) Akta itu telah wujud, dan sehingga sebaliknya terbukti, tertuduh D disifatkan pemilik dan mengetahui kehadiran ganja dalam bungkusan P5, dan oleh kerana berat ganja melebihi tahap statutori minima 200g, maka tertuduh dianggap sebagai pengedar dadah sedemikian, dan dengan itu saya telah memanggil tertuduh membela diri.

Dalam keterangan bersumpahnya tertuduh mengatakan pada 22 Mac E 1993 jam 2.30 petang, seorang bernama Rahim datang ke rumahnya dan mengajak tertuduh pergi ke Golok. Tertuduh mengenali Rahim dua bulan sebelum itu di kedai minuman. Tujuan mereka ke Golok ialah untuk membeli pakaian hari raya. Mereka pergi dengan teksi ke Rantau Panjang, dan selepas itu menyeberangi ke Golok melalui pengkalan haram. Di Golok mereka membeli pakaian. Tertuduh membeli satu jaket dan seluar F jean. Kedua-duanya berwarna biru.

Tertuduh bermalam di rumah Rahim di kawasan Narathiwat. Tertuduh mengatakan dia telah membawa satu beg plastik besar berwarna hitam bersamanya. Kerana letih, tertuduh tertidur selepas membeli belah.

Pada keesokan harinya pada 23 Mac 1993, tertuduh dan Rahim G pergi ke Golok dengan menaiki motosikal. Semasa tertuduh hendak balik, Rahim memberitahu tertuduh, dia (Rahim) telah mengisi baju dan seluar dalam beg tertuduh, dan berkata lagi kepada tertuduh dia hendak berhari raya di Malaysia dan meminta tertuduh menghantar beg tersebut ke rumah Zuki, dan keesokan hari dia akan datang ke Malaysia. Rahim menghantar H tertuduh ke pengkalan haram. Tertuduh menyeberangi sungai dengan menaiki sampan. Rahim tidak ikut. Apabila sampai di sebelah Malaysia tertuduh berjalan kaki setengah batu sampai ke Jalan Besar Jeli/Tanah Merah. Tertuduh menunggu teksi di tepi jalan. Tertuduh ternampak tiga orang anggota tentera berpakaian seragam dan bersenjata ('askar'). Salah seorang askar telah memanggil tertuduh. Tertuduh menghampiri mereka. I Mereka memeriksa tertuduh dan meminta barang yang dibawa oleh tertuduh. Tertuduh menyerahkan barang kepada mereka. Sejurus kemudian, sampai seorang anggota UPP menaiki motosikal. Askar membuka barang-barang di hadapan anggota UPP. Barang itu mengandungi sehelai baju dan sehelai seluar. Seluar membalut satu

bungkusan. Askar membuka lagi dan terdapat dua bungkusan. Tertuduh turut menengok dan mendapati bahan tumbuhan seperti daun kayu. Askar menangkap tertuduh, manakala anggota UPP menaiki motosikal pergi ke pejabatnya. Selepas itu UPP datang dengan sebuah Land Rover. Tertuduh menaiki Land Rover pergi ke balai UPP, Bukit Bunga dan tertuduh diserahkan kepada polis.

Bahawa Rahim telah berpesan kepada tertuduh supaya menghantar barang ke rumah Zuki, dan keesokan hari dia akan datang ke Malaysia, pada masa itu tidak diberitahu. Tertuduh tidak membuka beg yang dikatakan itu. Beg itu adalah jenis plastik, tebal dan bertutup. Tertuduh mempunyai RM10 cukup untuk balik ke Kuala Kalai dengan teksi. Tertuduh mengatakan askar ('SP3') mengoyakkan begnya. Baju dan seluar yang dirampas oleh SP3 diberikan kepada polis. Beg baju dan seluar tidak ada di mahkamah.

Dalam pemeriksaan balas, tertuduh tidak bersetuju bahawa Rahim, Zuki dan Din tidak wujud dan menegaskan dia ke Golok untuk membeli pakaian hari raya, walaupun dia bersetuju pakaian boleh dibeli di Kota Bharu, Tanah Merah atau Bukit Bunga. Mengikutnya, harga pakaian di Golok murah. Tertuduh mengatakan hari tersebut ialah tiga hari sebelum hari raya, dan dia tidak berpuasa pada hari itu. Dia menafikan pergi ke Golok untuk membeli dadah, dan menafikan dia telah terjun ke dalam sungai. Tertuduh menafikan dia mengepit P5 di bawah ketiak kanannya dan tidak bersetuju anggota UPP yang terlibat terdiri daripada dua orang anggota. Tertuduh juga tidak bersetuju dia dibawa ke Balai Polis dengan Proton Saga. Tetapi dia bersetuju dia tidak sangka berjumpa dengan askar. Dia tidak setuju seluarnya basah, dan tidak setuju mengetahui dadah ganja dalam bungkusan yang dibawa, dan menafikan membawa balik ganja untuk dijual kerana dekat hari raya. Tertuduh mengatakan dia diperalatkan oleh Rahim dan tidak menyangka Rahim berbuat begitu kepadanya.

Dalam pemeriksaan semula, tertuduh berkata dia tidak memeriksa beg kerana dia percaya kepada Rahim. Dan tertuduh mendakwa cerita pendakwaan tidak wujud, dan mengatakan P5 bukan kepunyaannya dan tidak tahu tuanpunyanya.

Saya sedar beban ke atas pembelaan untuk mematahkan anggapan di bawah s 37(d) dan (da) Akta itu ialah di atas imbangan kebarangkalian (lihat *PP v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89). Anggapan-anggapan di bawah s 37(d) dan (da) Akta itu timbul mengenai pengataan bahawa baju dan seluar dalam beg, dan bahawa SP3 yang mengoyakkan begnya. Semasa SP2 dan SP3 memberi keterangan, soal baju, seluar dan beg yang dikoyak tidak timbul dan mereka tidak diperiksa balas mengenainya. Dengan itu, saya menerima keterangan SP2 dan SP3 dan memutuskan baju, seluar dan beg yang dikatakan oleh tertuduh itu tidak wujud, dan merupakan rekaan tertuduh semata-mata. Kewujudan P5 telah disokong oleh SP4. SP4 mengecam tertuduh sebagai orang yang terjun ke dalam sungai membawa satu bungkusan plastik cerah yang memenuhi diskripsi P5. SP5, seorang awam, walaupun dia tidak mengecam tertuduh, tetapi dia nampak seorang

A lelaki berbaju putih dan seluar biru terjun ke dalam sungai. Keterangan SP2, SP3, SP4 dan SP5 menyokong antara satu sama lain. Seluar tertuduh yang basah membuktikan apa yang dilihat oleh SP4 dan SP5 adalah benar. P5 berada dalam milikan fizikal tertuduh agak lama, lebih kurang satu jam mulai masa dia dilihat terjun sungai jam 10.45 pagi sehingga ditangkap
B jam 11.45 pagi. Agak sukar hendak menerima dakwaan bahawa tertuduh tidak mengetahui apa barang yang dikepit dan dibawanya. Tertuduh menafikan dia terjun sungai; menafikan kereta Proton Saga dibawa untuk mengambilnya; menafikan seluarnya basah; dan menafikan dua orang anggota UPP yang meronda, akan tetapi semasa saksi-saksi berkenaan memberi keterangan mereka tidak dicabar. Dalam hal sedemikian, penafian
C tertuduh terhadap keterangan saksi-saksi pendakwaan tidak dapat meragukan kes pendakwa dan mematahkan anggapan milikan P5. Pendakwaan bergantung kepada anggapan di bawah s 37(da)(vi) bahawa tertuduh adalah seorang pengedar, dan anggapan ini boleh dipatahkan atas imbangan kebarangkalian.

D Seksyen 37(da)(vi) Akta itu memperuntukkan:

> any person who is found in possession of 200g or more in weight of cannabis, otherwise than in accordance with the authority of this Act or any other written law, shall be presumed, until the contrary is proved, to be trafficking in the said drug.

E 'Pengedaran' ditakrifkan di bawah s 2 Akta itu sebagai:

> 'trafficking' includes the doing of any of the following acts, that is to say, manufacturing, importing, exporting, keeping, concealing, buying, selling, giving, receiving, storing, administering, transporting, carrying, sending, delivering, procuring, supplying or disributing any dangerous drug.

F Tertuduh telah ditangkap membawa dadah cannabis berbalut dengan kertas kalendar Siam di tempat terpencil di kawasan kebun getah, tidak jauh dari pengkalan haram sempadan Malaysia/Thailand. Dakwaan tertuduh bahawa dia telah diperalatkan oleh Rahim tidak menimbulkan keraguan ke atas kes pendakwa kerana keterangan yang ada menunjukkan
G kebersalahannya dan tertuduh membawa P5 dari Thailand dengan penuh kesedaran ia mengandungi ganja. Kewujudan Rahim, sekiranya ada (yang tidak diterima oleh mahkamah), tidak memberi apa-apa kesan kepada kes pendakwa yang kukuh itu, kerana kes pendakwa berasas kepada milikan dan pembawaan dan bukan kepada kepunyaan ke atas dadah ganja itu. Mahkamah telah mengambil kira penafian pengedaran sama ada penafian
H itu boleh mematahkan atas imbangan kebarangkalian anggapan pengedaran ataupun penafian itu boleh meragukan anggapan tersebut. Namun demikian, tertuduh gagal mematahkan anggapan yang telah wujud dan gagal menimbulkan sebarang keraguan ke atas pembawaan ganja. Penafian semata-mata tanpa keterangan lain untuk mengeluarkan dengan munasabah keterangan pendakwaan adalah tidak mencukupi. Seperti yang dikatakan
I oleh Yusoff Mohamed J dalam *PP v Ling Tee Huat* [1982] 2 MLJ 324 di ms 326A–B:

A mere denial without other proof to reasonably dislodge the prosecution's evidence is not sufficient.

Selepas mengkaji kesemua keterangan pihak pendakwa dan pembela pada keseluruhannya, saya dapati tertuduh gagal mematahkan atas imbangan kebarangkalian anggapan-anggapan milikan ganja yang telah wujud di bawah s 37(d) Akta itu, dan anggapan pengedarannya yang telah wujud di bawah s 37(da)(vi) Akta itu. Tertuduh mengedar dadah ganja seberat 882.3g dengan membawanya. Saya juga berpuashati tertuduh telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas milikan dan pengedaran dadah ganja itu. Dengan itu, saya berpuashati pihak pendakwa telah membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah, dan oleh yang demikian, saya dapati tertuduh bersalah sebagaimana pertuduhan. Saya sabitkannya. Maka, tertuduh dihukum mati seperti yang diperuntukkan di bawah s 39B(2) Akta itu.

Tertuduh disabit dan dihukum.

Dilaporkan oleh Hanim Kamaruddin